

17 JUN 2003

Musa-Pilihan raya

SABAH KETENGAHKAN ISU PERSIAPAN PILIHAN RAYA NEGERI

KOTA KINABALU, 17 Jun (Bernama) -- Umno Sabah akan mengetengahkan persiapan parti itu untuk menghadapi pilihan raya negeri apabila pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Musa Aman berucap pada Perhimpunan Agung Umno ke-57 yang bermula esok.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke Kuala Lumpur bagi menghadiri perhimpunan itu, Musa yang juga Ketua Menteri Sabah, berkata beliau akan menyentuh isu persediaan pilihan raya dan soal perpaduan.

"Bagi kita, perpaduan adalah sangat penting lebih-lebih lagi kita akan menghadapi pilihan raya akan datang di antara sekarang hingga April 2004.

"Sabah akan memperkuatkan lagi perpaduan di kalangan ahli-ahli Umno dan juga parti komponen Barisan Nasional (BN)," katanya.

Selain itu, hala tuju dan pembangunan negeri juga akan dibangkitkan semasa membahaskan ucapan presiden Umno, katanya.

Sementara itu, Umno Sabah yakin perebutan jawatan Timbalan Presiden parti itu tidak akan berlaku selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meninggalkan kepimpinan negara Oktober ini.

Musa berkata ini kerana kepimpinan tertinggi parti itu bersetuju agar pelantikan berkenaan dibuat oleh Perdana Menteri pada masa itu.

"Malah, kesemua naib presiden Umno telah bersetuju mengenainya...itu adalah perkara biasa dan Umno Sabah percaya tidak ada masalah dengan pelantikan Timbalan Perdana Menteri dan tidak akan berlaku perebutan," kata beliau.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyuarakan kebimbangannya mengenai perebutan jawatan nombor dua pada pemilihan Umno tahun depan yang boleh menyebabkan pergolakan dalam parti.

Dua Naib Presiden Umno -- Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin telah memberi jaminan akan akur kepada sebarang keputusan mengenai perkara itu.

-- BERNAMA

NT ROS